

21 APR 1998
Sukom-Tiket
TIKET BERNILAI RM5 JUTA SUDAH DIJUAL

Oleh: Ahmad Fuad Yahaya

PETALING JAYA, 21 April (Bernama) -- Dengan hanya tinggal 143 hari lagi menjelang Sukan Kuala Lumpur '98, penjualan tiket bagi Sukan Komanwel ke-16 itu bertambah rancak dengan tempahan bernilai RM5 juta diterima daripada peminat sukan tempatan dan luar negara.

Pengerusi eksekutif Sukom Ninety Eight Berhad, Jen (B) Tan Sri Hashim Mohd Ali berkata hari ini terdapat sejumlah 1.28 juta tiket dan akan mendatangkan hasil RM36 juta kepada Sukom jika kesemua tiket itu habis dijual.

Kaunter jualan tiket akan hanya bermula pada Julai hingga temasya sukan itu yang dijadual berlangsung di ibu negara daripada 11 hingga 21 Sept, katanya pada sidang berita selepas perasmian Persidangan Pelanggan Penyiaran keempat bagi Sukan Kuala Lumpur '98 di sini.

Tempahan jualan tiket bagi luar negara bermula Ogos tahun lepas, diikuti dengan tempahan tempatan tiga bulan kemudian. Tiket berharga daripada RM5 hingga RM500.

Sementara itu, Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan Datuk Zawawi Mahmuddin berkata setakat ini sembilan pelanggan penyiaran sudahpun menyatakan hasrat untuk membuat liputan sukan kedua terbesar itu dan beliau puas hati dengan persiapan yang diaturkan RTM sebagai hos penyiar.

Liputan televisyen akan membolehkan lebih daripada 500 juta penonton menyaksikan sukan itu di seluruh dunia.

Zawawi yang sebelumnya merasmikan persidangan itu bagi pihak Menteri Penerangan Datuk Seri Mohamed Rahmat, berkata bangunan Pusat Penyiaran Antarabangsa (IBC) di Angkasapuri siap Januari lepas dan kerja-kerja memasang peralatan penyiaran terkini sedang rancak dilakukan, termasuk alat canggih teknologi digital.

"Segala-galanya dijangka siap menjelang Jun," katanya.

Zawawi berjanji semua peralatan penyiaran dan kemudahan yang diperlukan akan disediakan kepada pelanggan penyiaran.

Jen Hashim pula dalam ucapannya berjuta lebih daripada 6,000 atlit dan pegawai dari negara-negara Komanwel dijangka berhimpun di sini untuk temasya sukan itu.

"Hingga kini 65 daripada 69 negara anggota telah mengesahkan penyertaan mereka pada Sukan Kuala Lumpur '98. Sukan Komanwel ke-16 menjanjikan saat-saat sukan paling menyeronokkan dalam suasana yang mesra," katanya.

Menurut Jen Hashim, Sukom kini berada dalam peringkat siap sedia untuk sukan berkenaan, dan kesemua venue pula boleh dikatakan siap atau hampir siap.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan sukan itu di Kompleks Sukan Bukit Jalil pada 11 Julai dan serentak itu laluan LRT ke Bukit Jalil akan memulakan operasi perdagangannya, tambah beliau.

Larian baton Ratu bagi Sukan Komanwel ke-16 bermula dengan penuh warna warni di Istana Buckingham pada 9 Mac lepas dan kemudian dibawa ke Manchester, tuan rumah Sukan Komanwel akan datang.

Dari situ ia dibawa ke Kenya dan Kepulauan Caribbean.

Baton itu akan tiba di Malaysia pada 7 Julai dan selepas itu akan menjelajah kesemua 13 negeri termasuk kedua-dua wilayah persekutuan. Ia akan tiba di stadium utama pada hari pembukaan sukan itu.

-- BERNAMA

AFY ZAB